



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN BAHAGIAN AKAUN
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN
BAGI PUSAT TANGGUNGJAWAB
HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK**

TARIKH KUAT KUASA

18 JANUARI 2023

**<https://account.moh.gov.my>
2023**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. TUJUAN.....	3
2. LATAR BELAKANG.....	3
3. PUNCA KUASA.....	4
4. TATACARA PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MODUL PBC..	5
5. PELAKSANAAN.....	9
6. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN.....	9
7. LAMPIRAN.....	10

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN BAGI PUSAT TANGGUNGJAWAB HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan menyelaraskan penyediaan Kamus Pengekosan bagi pelaksanaan pengekosan menggunakan modul MyCost sub modul PTJ *Based Costing* (PBC) di Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi Hospital Orang Asli Gombak (HOAG).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengekosan merupakan suatu teknik untuk mengenal pasti secara terperinci kos yang terlibat dalam menghasilkan output (barang/perkhidmatan) merangkumi proses pengkelasan, perekodan, dan memperuntukkan perbelanjaan kepada output yang telah dicapai oleh sesuatu entiti/program/aktiviti Kementerian dalam tempoh tertentu bagi tujuan penentuan kos akhir setiap output yang dihasilkan.
- 2.2 Pelaksanaan pengekosan menggunakan modul MyCost sub modul PBC di KKM meliputi PTJ yang melaksanakan fungsi utama Kementerian sahaja, terdiri daripada Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah (Klinik Kesihatan), Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (Klinik Kesihatan Pergigian), Institusi Perubatan Khas serta Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Farmasi (TOC).
- 2.3 Sebagai langkah permulaan dalam pelaksanaan PBC, setiap PTJ perlu menetapkan dan menyediakan Kamus Pengekosan masing-masing yang mengandungi data dan maklumat perihal output, penetapan kod komponen dan penetapan asas agihan kos.

- 2.4 Kamus Pengekosalan yang seragam perlu disediakan dan digunakan oleh PTJ yang menjalankan fungsi utama Kementerian mengikut jenis kumpulan fasiliti. Penggunaan kamus yang seragam untuk PTJ di bawah kumpulan fasiliti yang sama amat penting bagi tujuan analisis perbandingan dan trend kecekapan kos antara PTJ.
- 2.5 Kamus Pengekosalan perlu disediakan dan digunakan oleh PTJ mengikut kumpulan fasiliti yang telah ditetapkan seperti berikut:
- i) Hospital KKM;
 - ii) Pejabat Kesihatan Daerah (fasiliti Klinik Kesihatan);
 - iii) Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (fasiliti Klinik Kesihatan Pergigian);
 - iv) Institusi Perubatan Khas; dan
 - v) Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Farmasi (TOC).

3. PUNCA KUASA

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan arahan, pekeliling dan peraturan berikut:

- 3.1 Arahan Perbendaharaan (AP).
- 3.2 Pekeliling Perbendaharaan (PP):
 - 3.2.1 PP PS 1.3 – Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan; dan
 - 3.2.2 PP PS 5.1 – Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).
- 3.3 Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 5 Tahun 2021 Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan: Pengekosalan.
- 3.4 Manual Pengguna Sistem MyCost dan iGFMAS.
- 3.5 Garis panduan/surat/arahan dalaman Bahagian Akaun Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3.6 Peraturan lain berkaitan yang berkuat kuasa.

4. TATACARA PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MODUL PBC

- 4.1 Kamus Pengekosan perlu disediakan menggunakan templat yang mengandungi maklumat berkenaan perbelanjaan dan pengekosan PTJ. Terdapat tujuh (7) templat dalam Kamus Pengekosan.
- 4.2 Maklumat lengkap daripada Kamus Pengekosan hendaklah dikunci masuk dalam modul MyCost sebagai data induk sub modul PBC.
- 4.3 Maklumat pada Kamus Pengekosan ini perlu dikemas kini mengikut keperluan berikut:

Template Kamus MyCost	Kekerapan Keperluan Kemaskini	Tanggungjawab
1. Kod Komponen	Tiada keperluan	Bahagian Akaun
2. Output / Ukuran Output	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan dan perlu maklum kepada BA terlebih dahulu)	PTJ
3. Unit Ukuran	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan dan perlu maklum kepada BA terlebih dahulu)	PTJ
4. Kumpulan Output	Tiada keperluan	Bahagian Akaun
5. Kitaran 1	Setiap bulan (sekiranya ada)	PTJ
6. Kitaran 2	Setiap bulan	PTJ
7. Kitaran 3	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan dan perlu maklum kepada BA terlebih dahulu)	PTJ

4.4 Penetapan Output

4.4.1 Output yang digunakan oleh PTJ merupakan **output utama** yang **melambangkan identiti PTJ dan KKM** secara keseluruhan.

4.4.2 Berikut merupakan output dan kumpulan output yang telah ditetapkan bagi PTJ HOAG:

PTJ	Output	Kumpulan Output
Hospital Orang Asli Gombak	Output 1 – Rawatan Pesakit Dalam	Bilangan Hari (ALOS)
	Output 2 – Rawatan Pesakit Luar	Bilangan Pesakit
	Output 3 – Rawatan Pesakit Fasiliti Bergerak	Bilangan Pesakit
	Output 4 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat	Bilangan Pesakit

4.5 Penetapan Kod Komponen

4.5.1 Kod komponen bagi komponen **kos langsung**, **kos tak langsung** dan **kos overhead** yang digunakan oleh PTJ adalah seperti yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Penyediaan Kamus Pengekasan yang telah diadakan bersama wakil PTJ dan Bahagian Akaun sebelum pelaksanaan MyCost PBC di KKM.

4.5.2 Kod komponen yang perlu digunakan oleh PTJ HOAG di modul MyCost sub modul PBC adalah:

Nama PTJ	Kod Komponen
Hospital Orang Asli Gombak	KKMkodkomponen#01

4.6 Asas Agihan Kitaran 1

4.6.1 Kitaran 1 merupakan proses di MyCost PBC untuk agihan keluar kos kepada PTJ lain (sekiranya ada).

4.6.2 **PTJ HOAG tidak terlibat dan tidak perlu melakukan proses agihan di kitaran 1.**

4.7 Asas Agihan Kitaran 2

4.7.1 Kitaran 2 merupakan proses di MyCost PBC untuk agihan kos kepada setiap output yang dapat ditentukan secara tepat amaunnya. Penetapan agihan kos sebenar kepada setiap output bagi tahun semasa adalah berdasarkan kepada asas agihan yang ditetapkan oleh PTJ sama ada berdasarkan **maklumat perbelanjaan tahun sebelum** atau **purata kos sebenar** yang digunakan dalam penghasilan output.

4.7.2 Terdapat empat (4) kumpulan kod akaun yang digunakan sebagai **asas agihan di kitaran 2** seperti berikut:

- i) Asas Agihan Bahan Makanan / Minuman (kod akaun B0225101-B0225603);
- ii) Asas Agihan Gas Perubatan (B0227402) dan Bekalan Filem Fotografi (B0227501);
- iii) Asas Agihan Bekalan Perubatan Kesihatan Yang Lain (B02/B0627499) dan Bekalan Vaksin (B02/B0627404); dan
- iv) Asas Agihan Bekalan Ubatan (kod akaun B02/B0627401) dan Bekalan Reagen (B02/B0627403).

4.7.3 Maklumat di Kamus Pengekosan - Kitaran 2 perlu dikemas kini sekiranya terdapat perubahan kepada amaun kos bagi kod akaun kos langsung pada bulan tersebut.

4.7.4 Maklumat pesakit dan perkhidmatan pergigian boleh diperolehi daripada laporan-laporan berikut:

Maklumat	Sumber	Nama Laporan	Contoh Laporan
Pesakit Dalam	Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP)	PER-PD 211 (Pin.1/2019)	Rujuk Lampiran 1
Pesakit Luar		PER-PL 205 (Pin.1/2006)	Rujuk Lampiran 2
Rawatan Pesakit Fasiliti Bergerak	Takwim Kesihatan Awam	Laporan Aktiviti Unit Kesihatan Awam (UKA/HOAG-1)	Rujuk Lampiran 3
		Laporan Kedatangan Pesakit Luar (PER-PL212A)	Rujuk Lampiran 4
Perkhidmatan kesihatan pergigian di Klinik Pergigian (statik dan bergerak)	Sistem GI-RET 2.0	Daftar Pesakit Klinik Pergigian Primer (PG101A)	Rujuk Lampiran 5
		Daftar Pesakit Outreach (PG101C)	Rujuk Lampiran 6
		Rekod Kehadiran Pesakit Klinik Pergigian Primer (PG211A)	Rujuk Lampiran 7
		Rekod Kehadiran Pesakit Outreach (PG211C)	Rujuk Lampiran 8

4.8 Asas Agihan Kitaran 3

4.8.1 Kitaran 3 merupakan proses di MyCost PBC untuk agihan 'cost pool' kepada semua output PTJ yang telah ditetapkan.

4.8.2 Penentuan peratus (%) agihan perbelanjaan bagi semua output adalah berdasarkan kepada **asas agihan keluasan bangunan** mengikut ruang bagi setiap output.

5. PELAKSANAAN

- 5.1 Maklumat pada Kamus Pengekosan ini perlu dikunci masuk oleh PTJ dalam modul MyCost (Sub Modul Data Induk) sekali setahun sahaja, kecuali sekiranya terdapat perubahan maklumat pada kamus tersebut.
- 5.2 Manakala semakan semula Kamus Pengekosan hanya dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan atau arahan daripada Bahagian Akaun KKM.

6. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

- 6.1 Pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini boleh dirujuk kepada Seksyen Perakaunan Pengurusan, Bahagian Akaun KKM:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E7, Kompleks E
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

E-mel : spp@moh.gov.my

No. Tel. : 03-8883 3314 / 3260 / 3275

Maklumat Jumlah Hari Pesakit Dalam - Laporan PER-PD 211 (Pin.1/2019)

PER-PD 211 (Pin. 1/2019)

SISTEM MAKLUMAT KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
LAPORAN BULANAN / TAHUNAN KE ATAS PENGGUNAAN KATIL HOSPITAL/ INSTITUSI
UNTUK BULAN DISEMBER TAHUN 2022

HOSPITAL - HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK													NEGERI : SELANGOR	
NEGERI	HOSPITAL / INSTITUSI	DISIPLIN	PENGENAPAN KATIL (RSMI)	PENGENAPAN KATIL (BEROPERASI)	JUMLAH KEMASUKAN	PURATA HARIAN BILANGAN KEMASUKAN	JUMLAH KELUAR HOSPITAL	JUMLAH KEMATIAN	JUMLAH HARI PESAKIT	PURATA HARIAN BILANGAN KATIL YANG	KADAR PENGGUNAAN KATIL	PURATA JANGKAMASA TINGGAL (HARI)	JANGKAMASA KATIL DIKOSONGKAN (HARI)	PERKATUSAN KEMATIAN DARI JUMLAH PESAKIT
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
SELANGOR	HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK	General Medicine	25	25	23	0.74	27	0	255	8.23	32.50	9.44	19.26	0.00
		General Surgery	10	10	0	0.00	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
		Obstetrics	10	10	6	0.19	13	0	80	2.58	25.81	6.15	17.69	0.00
		Gynaecology	3	3	0	0.00	0	0	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
		General Paediatrics	15	15	13	0.42	14	0	78	2.52	16.77	5.57	27.64	0.00
		Neonatology	5	5	4	0.13	4	0	11	0.35	7.10	2.75	36.00	0.00
		General Orthopaedics	10	10	1	0.03	0	0	15	0.48	4.84	0.00	0.00	0.00
		General Multidiscipline	2	2	1	0.03	1	0	1	0.03	1.61	1.00	61.00	0.00
		JUMLAH	80	80	48	1.55	59	0	440	14.19	17.74	7.46	34.58	0.00

Nota :

1. Data PD211 dan PD104 bagi dua tahun terkini akan dikemaskini secara harian.
2. Manakala, data PD211 dan PD104 bagi tahun kebelakang akan dikemaskini secara mingguan.

Data bilangan pesakit dalam

1 / 1

Maklumat Bilangan Pesakit Luar – Laporan PER-PL 205 (Pind.1/2003)

PER-PL 205 (Pin. 1/2006)

SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
LAPORAN BULANAN/TAHUNAN PUNCA RUJUKAN PESAKIT KE KLINIK PAKAR/ PAKAR ATAS LAWATAN
DAN JABATAN/UNIT KECEMASAN DI HOSPITAL/INSTITUSI
UNTUK BULAN JANUARI TAHUN 2014

KLINIK: PESAKIT LUAR
HOSPITAL: HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK
NEGERI: SELANGOR

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29
	PERUBATAN AM	BEDAH AM	PEDIATRIK	OBSTETRIK	GINEKOLOGI	ORTOPEDIK	PSIKIATRI	OFTALMOLOGI	DERMATOLOGI	OTOLARYNGOLOGI (ENT)	PERUBATAN RESPIRATOR	UROLOGI	NEFROLOGI	NEUROLOGI	BEDAH NEURO	PERUBATAN NUKLEAR (RADIOTERAPI DAN ONKOLOGI)	KARDIOLOGI	BEDAH KARDIOTORASIK	BEDAH PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF	BEDAH TANGAN DAN MIKRO	BILUS	PERGIGIAN	LAIN-LAIN	JUMLAH (KLINIK PAKAR)	KLINIK KHAS	JABATAN PESAKIT LUAR	JABATAN/UNIT KECEMASAN	JUMLAH PESAKIT LUAR
1. JABATAN/UNIT KECEMASAN																												
2. KLINIK KESIHATAN																												
3. HOSPITAL-HOSPITAL LAIN																												
4. PENGAMAL PERUBTAN UMUM																												
5. RUJUKAN SENDIRI																												
6. LAIN-LAIN																												
JUMLAH (KES BARU)																												
6. ULANGAN																												
JUMLAH KEDATANGAN																												

Maklumat Rawatan Pesakit Fasiliti Bergerak – UKA/HOAG-1

LAPORAN AKTIVITI UNIT KESIHATAN AWAM HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK
DATA DALAM NEGERI SELANGOR SAHAJA

UKA/HOAG-1

TAHUN: 2023

UNIT	JANUARI	FEBRUARI	MAR	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DESEMBER	JUMLAH
1 UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN													
1.1 Bilangan Klien													
1.2 Bilangan Lokalti													
2 UNIT VEKTOR DAN MALARIA													
2.1 Bilangan Klien													
2.2 Bilangan Lokalti													
3 UNIT TIBI DAN KUSTA													
3.1 Bilangan Klien													
3.2 Bilangan Lokalti													
4 UNIT KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT													
4.1 Bilangan Klien													
4.2 Bilangan Lokalti													

Maklumat Rawatan Pesakit Fasiliti Bergerak – PER-PL212A

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN KESIHATAN
LAPORAN BULANAN/TAHUNAN KEDATANGAN PESAKIT LUAR MENGIKUT UMUR/JANTINA
DAN KUMPULAN ETHNIK UNTUK BULAN JUN TAHUN 2020

Negeri : Selangor Darul Ehsan

PL-212 A(Pind.1/2003)

Pasukan Bergerak Orang Asli

Hospital/Daerah/Klinik : Hospital Orang Asli Gombak

Kumpulan Ethnik	JUMLAH KEDATANGAN											
	<10 tahun		10-19tahun		20-59tahun		≥60tahun		JUMLAH		JUMLAH BESAR	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan		
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
SENOI	SEMAI									0	0	0
	TEMIAR									0	0	0
	JAHUT									0	0	0
	SEMAQ BERI									0	0	0
	MAHMERI									0	0	0
	CHE WONG									0	0	0
MELAYU PROTO	TEMUAN									0	0	0
	JAKUN									0	0	0
	SEMELAI									0	0	0
	O.KUALA									0	0	0
	O.SLETAR									0	0	0
	O.KANAQ									0	0	0
NEGRITO	JAHAI									0	0	0
	MENDRIQ									0	0	0
	BATEQ									0	0	0
	KENSIU									0	0	0
	KINTAK									0	0	0
	LANOH									0	0	0
MELAYU									0	0	0	
CINA									0	0	0	
INDIA									0	0	0	
LAIN-LAIN									0	0	0	
JUMLAH	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	

